

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 14.10.2019 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan:

- (a) berapa jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk Skim Pinjaman Rumah Panjang dari Kerajaan Persekutuan untuk Sarawak bagi tahun 2019; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan dana tersebut memandangkan pertambahan permintaan dari masyarakat rumah Panjang Sarawak untuk Skim Pinjaman tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak menawarkan skim pinjaman perumahan rumah panjang kepada mana-mana pihak pada masa ini. Bagi tahun sebelum ini, skim pinjaman perumahan untuk rumah panjang diuruskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui peruntukan daripada Jabatan Perdana Menteri. Sebarang penambahan peruntukan adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perdana Menteri.
2. Sebagai makluman, program bantuan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar melibatkan dua skop bantuan iaitu bina baharu dan baik pulih dengan keutamaan kepada projek rumah individu. Manakala bagi rumah panjang, Kementerian hanya menumpukan kepada bantuan baik pulih PPRT sahaja dan dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Daerah. Sebanyak RM9.930 juta diperuntukan untuk bantuan baik pulih PPRT panjang daripada keseluruhan peruntukan baik pulih PPRT di Sarawak berjumlah RM29 juta.

Sekian, terima kasih.